



Tengku Amir Shah turut berkenan menghadiri dialog Perangsang Selangor Speakers Corner sempena Selangor Champions League

Dialog Perangsang Selangor Speakers Corner

Bangun fasiliti secara serius

Jika ada komitmen dan pelaksanaan serius, maka kedudukan Malaysia akan naik semula tapi akan makan masa

MEHMET DURAKOVIC

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Penyediaan fasiliti dan pembangunan di peringkat akar umbi yang baik mampu melahirkan lebih ramai pemain bola sepak profesional berbakat juga bernilai tinggi.

Kesimpulan itu dicapai menerusi dialog Perangsang Selangor Speakers Corner anjuran **Kumpulan Perangsang Selangor** (KPS) di bawah program Sukan Untuk Semua Rangsangan Sukan Selangor sempena Selangor Champions League (SCL).

Dialog lebih dua jam itu menampilkan lagenda bola sepak tanah air Datuk Santokh Singh dan Ketua Jurulatih Perak, Mehmet Durakovic yang juga bekas jurulatih Selangor.

Mehmet berkata, pelan pembangunan fasiliti perlu dilaksanakan secara serius bukan bersifat retorik.

"Semangat melakukannya ada, duit ada, sokongan ada tetapi masih tidak mampu dilaksanakan di Malaysia, buat masa ini. Jika ada komitmen dan pelaksanaan serius, maka kedudukan Malaysia akan naik semula tapi akan makan masa," katanya.

Dikendalikan Kieran, dialog turut menampilkan dua panel lain iaitu Pengarah Urusan Little League Soccer Sdn Bhd, Shazwan Wong dan Ketua Pegawai Eksekutif Program Pembangunan Bola Sepak Negara, Safirul Azli.

Bagi Shazwan, kejurulatihan yang baik di peringkat akar umbi penting bagi melahirkan pelapis bola sepak tanah air.

"Kepentingan aspek ini bagaimanapun masih kurang lagi, di Malaysia," katanya

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah turut berkenan mencemar duli mendengar sesi dialog, di Stadium Shah Alam itu.